

Set 1  
Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
2 JAM

1103/1

---

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---


Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
[30 markah]

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan industri batik di Malaysia.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang industri batik di Malaysia.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



PUTRAJAYA: Semua pegawai perkhidmatan awam diwajibkan memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis, manakala pemakaian batik pada hari bekerja lain digalakkan.

Sumber: *bharian.com.my*

Sambutan  
**Hari Batik  
Malaysia**  
30 NOVEMBER HINGGA 4 DISEMBER 2023  
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR

SEMUA DIJEMPUT HADIR



*Batik Malaysia*

Batik Malaysia merupakan seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia. Proses pembuatan batik menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak.

Sumber : *www.kraftangan.gov.my*

## Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1.

Pembentukan Malaysia menyumbang kepada kemajuan negara yang mempunyai pelbagai kaum dan agama. Antara sumbangan yang membantu pembangunan ialah tanggungjawab menghormati perlembagaan dan undang-undang. Selain itu, masyarakat perlu menjaga kebersihan dan keindahan serta memiliki sikap kesetiaan kepada negara .

Sumber: *www.hmetro.com.my*, 16 September 2022

Berdasarkan petikan di atas, huraikan tanggungjawab-tanggungjawab masyarakat kepada negara.

2.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat menggalakkan pelajar dan warga prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah untuk bersama-sama menjaga alam sekitar menerusi aktiviti berkebun dan pertanian di kawasan sekolah. Pertanian dilihat sebagai satu aktiviti yang dapat melestarikan alam sekitar. Malah, aktiviti ini turut dijadikan sebagai satu daripada aktiviti kokurikulum di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Siswa*  
Bil 06/2021

Petikan di atas menyatakan sebahagian manfaat aktiviti berkebun dan pertanian terhadap warga sekolah.

Bincangkan.

3.

Konsep 'sekolah selamat' tidak seharusnya terbatas kepada masalah disiplin, ancaman kepada murid, membuli semata-mata, tetapi juga meliputi aspek keselamatan bangunan, peralatan dan kemudahan sekolah. Sekolah perlu sedar tentang kepentingan Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan 1994 serta aplikasinya kepada institusi Pendidikan Pihak sekolah boleh bekerjasama dengan pihak luar dalam mencegah sebarang keganasan di dalam ataupun di luar sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada *Kertas Seminar Pendidikan 2005*, UTM, 15 Oktober 2005

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, sekolah selamat penting bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan warga sekolah. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlulah berusaha untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat.

Berikan respons anda.

4.

Istilah *creativepreneur* bermaksud gabungan perkataan kreatif dan usahawan atau usahawan yang menjalankan perniagaan produk perkhidmatan berkaitan kreativiti. Terdapat banyak bidang yang berkaitan dengan istilah ini seperti animasi, fesyen, grafik, tekstil, penulisan kreatif dan pelbagai lagi. Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) telah mendedahkan konsep ini kepada pelajar. Pelajar didedahkan ciri-ciri dan kemahiran yang merangkumi kepimpinan, inovasi dan kreativiti.

Mengarusperdanakan Keusahawanan Kreatif  
<https://dewanekonomi.jendeladbp.my/2024/06/10/8079>

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan konsep usahawan kreatif.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri usahawan kreatif

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**